

SOALAN NO. 326**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : YANG BERHORMAT TUAN SIM TZE TZIN
[BAYAN BARU]**

SOALAN :

YB Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru] minta PERDANA MENTERI menyatakan apakah rasional dan pertimbangan apa yang menyebabkan Kampung Seronok, Kampung Masjid dan Kampung Baroh dipindah oleh SPR dari N37 Batu Maung (Parlimen Bayan Baru) ke N38 Bayan Lepas (Parlimen Balik Pulau) dalam proses belah-bahagi daerah mengundi Mac 2016. Nyatakan jabatan, agensi atau pihak mana yang membuat cadangan tersebut.

**JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan kepada semakan yang telah dibuat terhadap daftar pemilih sehingga 31 Mac 2017 yang diwartakan pada 20 Jun 2017, Kampung Seronok, Kampung Masjid dan Kampung Baroh masih kekal berada dalam bahagian pilihan raya masing-masing tanpa melibatkan sebarang perubahan di mana Kampung Seronok dan Kampung Masjid berada di bawah Bahagian Pilihan Raya Parlimen P.053 Balik Pulau, Dewan Undangan Negeri (DUN) N.38 Bayan Lepas dan Kampung Baroh berada di bawah Bahagian Pilihan Raya Parlimen P.052 Bayan Baru, DUN N.37 Batu Maung.

Sekian, terima kasih.